

# Syarahan Tokoh Pertanian Siri 1/2008

Bersama Datuk Harris Salleh

Tanggal 28 Ogos 2008 merupakan hari bersejarah bagi SPL kerana berpeluang mengadakan program ‘Syarahan Tokoh Pertanian’ dengan menjemput mantan ketua menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, yang pada masa kini ialah seorang usahawan pertanian yang berjaya untuk memberikan tiupan semangat pertanian kepada pelajar SPL di Dewan Resital UMS. Syarahan tersebut juga telah membuka minda pelajar dan hadirin-hadirat yang hadir tentang potensi industri pertanian di Sabah dan beberapa saranan yang perlu diikuti jika ingin menceburi bidang pertanian secara serius. Pihak SPL juga telah melancarkan logo rasmi Sekolah dan program internship pada hari tersebut dan telah dirasmikan oleh Datuk Harris Salleh.

